

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : Lisan  
**DARIPADA** : Datuk Bung Moktar bin Radin  
[ Kinabatangan ]  
**TARIKH** : 16 Jun 2014  
**SOALAN** : Datuk Bung Moktar bin Radin minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah langkah-langkah Kementerian membantu golongan muda berjaya sebagai usahawan dalam bidang pertanian. Apakah program-program yang telah disediakan dan berapakah dana yang telah diperuntukkan bagi tujuan ini.

**JAWAPAN** :

**Tuan Yang Dipertua,**

Masa depan pertanian terletak pada generasi-generasi muda. Justeru, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah membangunkan program-program di bawah Jabatan serta Agensi seperti program latihan untuk menjadi petani atau usahawan tani.

Bagi menyelaraskan program pembangunan usahawan muda ini, Kementerian telah menubuhkan Unit Agropreneur Muda untuk menarik lebih ramai penyertaan generasi belia yang berumur di bawah umur 40 tahun di dalam sektor pertanian dan latihan teknikal mengikut subsektor (tanaman, perikanan dan ternakan), pengurusan kewangan dan keusahawanan serta padanan perniagaan adalah antara program yang terlibat. Dari segi modal dan kewangan, Kementerian melalui TEKUN Nasional dan AgroBank menyediakan pembiayaan kepada usahawan-usahawan muda.

Di bawah TEKUN, pinjaman mudah maksimum diberikan sehingga RM100,000. Kemudahan pembiayaan juga tidak perlu cagaran. 'Grace period' diberikan mengikut jenis aktiviti perniagaan dijalankan. Sebagai contoh ialah untuk perniagaan madu lebah